

BR1M: Kaji semula kaedah agihan tunai

KUALA LUMPUR 11 Mei - Kaedah pengagihan insentif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) secara tunai perlu dikaji semula bagi memastikan wang yang diterima oleh penerima bantuan dibelanjakan untuk tujuan yang sepatutnya.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizzuddin Nooh berkata, antara lain, kerajaan boleh mempertimbangkan penggunaan kupon atau baucar yang hanya boleh ditebus untuk barangan tertentu sahaja.

Menurut beliau, kaedah itu adalah serupa dengan mekanisme Program Bantuan Khasiat Tambahan (SNAP) yang dilaksanakan di Amerika Syarikat (AS) sejak lebih 50 tahun lalu.

"Program yang dahulunya dikenali sebagai 'Food Stamp' itu merupakan sistem yang terbaik untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran.

"Penerima bantuan dan peniaga sukar memanipulasi kupon yang diterima di bawah program tersebut kerana ia hanya boleh ditukar dengan makanan di premis-premis perniagaan tertentu sahaja," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Md. Akin meminta Kementerian Kewangan membentangkan kajian penilaian risiko di Dewan Rakyat berhubung kaedah pengagihan wang BR1M bagi memastikan bantuan itu tidak diseleweng atau tersalah bayar.

Langkah itu katanya, sebagai bukti tiada penipuan berlaku untuk bantuan kerajaan yang menggunakan peruntukan berbilion ringgit.